

Faktor penyu jantan kurang disebabkan cuaca panas

Um 25/5/2023 Ms: 23

KUALA NERUS: Musim panas ketika ini memberi kesan dalam penghasilan penyu jantan melalui telur yang diletakkan di kebanyakan pusat konservasi penyu di negara ini.

Ketua Makmal Penyelidikan Luar, Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof. Dr. Mohd Uzair Rusli berkata, ini kerana jantina penyu ditentukan oleh suhu pengeraman yang mempunyai kesan langsung dengan pemanasan global di seluruh dunia yang semakin kritikal ketika ini.

Beliau berkata, setakat ini penghasilan penyu jantan di kebanyakan pusat konservasi hampir tiada atau sifar.

Tambahnya, berdasarkan hasil kajian UMT pada 2021 mendapati hampir tidak berjaya menghasilkan mana-mana induk jantan jika telur penyu dieramkan di kawasan terbuka.

“Sehubungan itu, pelbagai inisiatif dilakukan hasil kajian



PENGARAH Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Terengganu **TUN Ahmad Faisal Tun Abdul Razak** (tiga, kiri) meninjau pusat penetasan telur penyu ketika melawat Pusat Taman Laut di Pulau Redang, Kuala Nerus, semalam. - **UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI**

yang dilakukan bagi memastikan telur penyu yang dieram berjaya menghasilkan induk jantan termasuk meletakkan teduhan di kawasan pengeraman. “Dalam tempoh tersebut, iaitu ketika fasa selepas 40 hari pengeraman

kita perlu pastikan suhu tidak terlalu tinggi kerana ia akan menyebabkan kita menghasilkan banyak induk betina sahaja,” katanya kepada pemberita ketika melawat Pusat Taman Laut di Pulau Redang, di sini, semalam.